

# Air sungai bertukar merah

**LIPIS** - Penduduk pekan Benta dan beberapa perkampungan tradisional lain di kawasan itu kecewa dan bingung dengan keadaan Sungai Benta yang didakwa tercemar.

Sungai yang sebelum ini menjadi sumber pengairan tanaman, ternakan ikan air tawar dan alternatif untuk kegunaan harian kini dipenuhi aliran lumpur, berkeladak dan berwarna kemerahan.

Pencemaran itu didakwa berlaku sejak Jun lalu dan dipercayai berpunca daripada pembuangan sisa lumpur dipercayai dari tapak perlombongan di hulu sungai.

Seorang penduduk yang hanya mahu dikenali Azmi

berkata, air Sungai Benta adalah sumber bekalan air kepada penduduk pekan itu yang diproses di pam galak berhampiran.

"Penduduk susah nak dapat air alternatif kalau terputus bekalan air bersih. Kami juga tak dapat nak mengairi kawasan pertanian sebabancam kesihatan dan beri kesan pada tanaman," katanya kepada pemberita ketika ditemui di sini, semalam.

Abdul Rani Mohamad, 40, pula berkata, penduduk tidak menafikan pembangunan yang rancang dijalankan di pekan berkenaan tetapi kesal dengan sikap pihak yang menjalankan kegiatan me-

lombong hingga mencemarkan air sungai.

Menjurusnya, pencemaran sungai itu memusnahkan habitat ikan air tawar yang menjadi sumber komersial penduduk setempat selain pemacu sektor pelancongan di Benta.

Sementara itu, Azimah Tamsi, 35, berkata, pihak berkaitan perlu menyasiat punca sungai itu tercemar dan mengelakkan masalah sama berulang.

Menurutnya, pengusaha projek tertentu di hulu dan berdekatan aliran itu perlu mengambil kira kesesuaian penduduk di samping pemuliharaan keceriaan dan kebersihan sungai.



Air Sungai Benta berwarna kemerahan akibat pencemaran.